



HOW (tengah) meneliti salah satu projek 'Smart Green City' yang dipamerkan pelajar di majlis itu.

Komuniti UMS perlu peka pencemaran udara

UB 3.10.2018 A2

Oleh YAP SIONG HAN

KOTA KINABALU: Komuniti Universiti Malaysia Sabah (UMS) disarankan untuk lebih peka terhadap pencemaran udara yang berpunca daripada pembakaran bahan api fosil.

Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr D Kamarudin D Mudin berkata, kelebihan komuniti rendah karbon adalah lebih kepada mengurangkan impak pelepasan antropogenik akibat aktiviti manusia yang menyumbang kepada perubahan iklim.

"Contohnya, penggunaan tenaga adalah berpunca daripada penjaan sumber bahan api fosil, seperti kenderaan bermotor.

"Penggunaan sumber ini secara berlebihan akan menyebabkan lebih banyak pelepasan karbon ke atmosfera, seterusnya mewujudkan haba terperangkap, sekali gus menggalakkan pemanasan global," katanya ketika menyempurnakan Program Hari Bebas Kenderaan UMS, di sini pada Selasa.

Teks ucapannya disampaikan oleh Pengarah

Pusat Pengurusan EcoCampus UMS Prof Madya Dr How Siew Eng.

Kamarudin berkata, program yang diadakan kali kedua itu adalah sebagai inisiatif universiti untuk menjadikan kampus sebagai kawasan yang lebih baik dan kondusif bagi seluruh warga UMS dengan mengurangkan jejak karbon serta meningkatkan kesedaran tentang pengangkutan mampan.

Katanya program itu juga bertujuan mempromosikan kesedaran komuniti UMS mengenai keperluan untuk mengubah sifat kembara bagi mengurangkan kesan negatif penggunaan kenderaan ke atas alam sekitar.

"Menurut data daripada Agensi Perlindungan Alam Sekitar Amerika Syarikat, kenderaan penumpang yang biasa mengeluarkan kira-kira 4.6 tan metrik karbon dioksida setahun.

"Nilai ini boleh berbeza-beza berdasarkan jenis bahan api kenderaan, ekonomi bahan api dan jumlah kilometer yang dipandu setiap tahun," katanya.